*Jawab* **semua** *soalan.*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ
(*a*)
أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣
(*b*)

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan tentang kepelbagaian bangsa dalam Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud kalimah bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** keutamaan takwa dalam Islam. [4 *markah*]

| |
|---|
| Kepelbagaian bangsa memberi peluang untuk membina interaksi yang harmoni. |

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong penyataan di atas. [4 *markah*]

(*b*) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضى الله عَنْهُ عَنِ النَّبِي صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلمَ قَالَ :
لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.
(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang kemuliaan berdikari.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud berdikari. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kelebihan berdikari dalam Islam. [2 *markah*]

Kos sara hidup yang semakin meningkat mendorong segelintir pelajar universiti bekerja sambilan untuk menampung perbelanjaan harian.

(iii) Hubungkaitkan pernyataan di atas dengan konsep berdikari. [4 *markah*]

(*c*) Nyatakan **dua** jenis wakaf. [2 *markah*]

2 (*a*) Percaya dengan nama Allah SWT al-Muntaqim mengukuhkan keimanan seseorang.

(i) Apakah maksud nama Allah SWT al-Muntaqim? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kefahaman nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 *markah*]

(iii) Terangkan kesan beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 *markah*]

| |
|---|
| Beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim membentuk keperibadian yang mulia. |

(iv) Kemukakan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas.

[4 *markah*]

(*b*) Kita hendaklah menjauhi aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah antaranya aliran Khawarij.

(i) Nyatakan sejarah aliran Khawarij. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan prinsip aliran Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

[2 *markah*]

(iii) Terangkan perbezaan pandangan aliran Khawarij dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam isu pelaku dosa besar.

[2 *markah*]

| |
|---|
| Muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada Mei 1996, menetapkan umat Islam di negara ini hendaklah mengikut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dalam segi akidah, syariah dan akhlak selain menfatwakan Syiah bertentangan dengan ajaran itu. |

(iv) Huraikan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya fatwa ini diabaikan oleh umat Islam.

[4 *markah*]

diskripsi



3 (*a*) (i) Apakah hukum idah?

[1 *markah*]

(ii) Jelaskan tempoh idah isteri yang bercerai hidup bagi situasi berikut:

(*a*) Telah putus haid

(*b*) Sedang hamil

[2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** larangan yang wajib diikuti semasa tempoh idah.

[2 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan pengertian hukum qisas.

[2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** jenis kesalahan di bawah hukuman qisas.

[2 *markah*]




(iii) Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah pelaksanaan hukuman jenayah Islam dapat mengatasi masalah tersebut?

[4 *markah*]

(c) (i) Senaraikan **tiga** syarat penjual dan pembeli dalam muamalat Islam. [3 *markah*]




| TAHUN | KES | KERUGIAN (RM) |
|---|---|---|
| 2021 (Jan-Mac) | 37 | 239,530 |
| 2020 | 44 | 261,954 |
| 2019 | 21 | 148,444 |

(Sumber dipetik dan diubah suai: *Infografik Bernama*, 8 April 2021)

(ii) Cadangkan langkah yang berkesan untuk menangani isu di atas. [4 *markah*]

4 (*a*) (i) Senaraikan **dua** pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Sultan Murad I bin Urkhan. [4 *markah*]

| |
|---|
| Menurut Ibn Khaldun, semangat kekitaan merupakan perkara penting dalam membina masyarakat bersatu padu sesebuah negara. |

(iii) Bagaimanakah sikap ini diaplikasikan di sekolah? Huraikan. [4 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan riwayat hidup Imam Malik. [4 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Imam Malik. [4 *markah*]

(iii) Terangkan bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu. [2 *markah*]

5 (*a*) (i) Nyatakan maksud khauf. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** hikmah khauf dan raja'. [4 *markah*]

> Firman Allah SWT:
>
> ... إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ
> وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾
>
> "...Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun, takut dan mereka pula sentiasa khusyuk dan taat kepada Kami."
>
> (Surah al-Anbiya: 90)

(iii) Huraikan kesan beramal dengan ayat di atas. [4 *markah*]

(*b*) (i) Apakah maksud istiqamah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam aspek berikut:

(*a*) Ibadah

(*b*) Dakwah

[4 *markah*]

> Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, beliau bertanya kepada Rasulullah SAW, "Apakah amalan yang paling disukai Allah SWT?"
> Lalu baginda berkata:
> "Amalan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit."

(iii) Huraikan kepentingan mengamalkan saranan hadis di atas bagi seorang murid.

[4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**